PERKARA HARTA PUSAKA TIMAH BINTI ABDULLAH; PENTADBIR RESMI F.M.S. lwn. MAGARI MOHIHIKO & LAIN-LAIN & NEGERI PAHANG*

[Mahkamah Tinggi (Gordon-Smith H.) April 23, 1940]

[Pahang — Saman Permulaan Bil. 7 Tahun 1939]

Undang-undang Islam — Sama ada kaedah bahawa seorang yang bukan Islam tidak boleh mendapat pusaka mengikut undang-undang Islam terpakai dalam Negeri-Negeri Melayu Bersekutu — Enakmen Pembahagian Harta (Cap. 71), s. 2 — Cara menetapkan Undang-undang Islam.

Si mati adalah seorang wanita Jepun yang berkahwin dengan seorang Melayu setelah wanita itu memeluk agama Islam. Adalah jelas dari fakta-fakta bahawa suami kepada almarhumah yang telah meninggal dunia lebih awal telah berdomisil di Negeri Pahang di mana almarhumah juga turut berdomisil di situ. Almarhumah meninggal dunia pada 23hb April 1937 dan persoalan yang timbul di sini apakah kerabat dekatnya yang tidak berugama Islam boleh menerima pusaka.

Diputuskan: bahawa dalam Negeri-Negeri Melayu Bersekutu mengikut undang-undang Islam, mereka yang tidak berugama Islam adalah tidak berhak mewarisi harta benda seorang Islam.

Kes-kes rujukan:-

(1) *Ramah binti Ta'at* v. *Laton binti Malim Sutan* 6 F.M.S.L.R. 128.

(2) *Ainan bin Mahamud* v. *Syed Abu Bakar bin Habib Yusoff* [1939] M.L.J. 209; [1938] F.M.S.L.R. 91.

SAMAN PERMULAAN.

J. Calder bagi pihak yang menuntut.

F.A. Briggs bagi pihak dituntut pertama dan kedua.

M.C. Hay (Penolong Penasihat Undang-undang) bagi pihak yang dituntut keempat.

Gordon-Smith H.: Saman permulaan ini yang difailkan oleh pihak menuntut memohon arahan mahkamah tentang siapakah yang berhak mewarisi harta-benda bagi si mati. Perkara itu telah dipindahkan ke mahkamah terbuka untuk perbincangan di mana Mr. Calder mewakili pihak yang menuntut, Mr. Briggs mewakili pihak yang dituntut pertama dan kedua, Mr. Hay, Penolong Penasihat Undang-Undang, mewakili bagi pihak yang dituntut keempat. Yang dituntut ketiga tidak diwakili oleh sesiapa.

Fakta-fakta yang tidak dipersoalkan adalah seperti berikut:

Almarhumah Timah berasal dari keturunan Jepun yang sebelum 1913 telah memeluk agama Islam dan berkahwin dengan seorang Melayu bernama Haji Hassan. Haji Hassan telah meninggal dunia pada 23hb Mac 1937 dengan meninggalkan wasiat dan dibawah wasiatnya dia telah melantik isterinya almarhumah untuk mentadbir harta pusaka peninggalannya mengikut arahan pembahagian yang diberi olehnya dan di mana almarhumah ialah sebagai salah seorang yang mendapat bahagian.

Almarhumah meninggal dunia tidak berapa lama selepas suaminya, iaitu pada 28hb April 1937, dan Pentadbir Resmi telah diberi Surat Pentadbiran bersama wasiat harta peninggalan suami dan surat pentadbiran pesaka almarhumah.

Tidak ada anak yang diperolehi dari perkahwinan itu.

Yang dituntut pertama dan kedua ialah ibu dan adik beradik kepada almarhumah.

Harta peninggalan almarhumah mengandungi harta beralih dan takalih yang ditaksirkan bernilai beberapa ribu ringgit, akan tetapi nilainya tidak penting.

Suatu yang jelas dari fakta-fakta ialah bekas suami pada masa matinya berdomisil di Pahang di mana almarhumah juga berdomisil.

Oleh kerana harta takalih kepunyaan almarhumah berada di Negeri Pahang maka jelaslah undang-undang negeri Pahang terpakai kepada kedua-dua harta takalih dan harta beralih itu.

Undang-undang Islam adalah sebahagian daripada undang-undang yang dikuatkuasakan di Pahang dan boleh dikatakan selaku undang-undang negeri bagi orang-orang Islam. Jadi, ia bukanlah undang-undang asing yang perlu dibuktikan oleh pakar keterangan, tetapi ianya satu undang-undang yang mana mahkamah patut memberi pengiktirafan kehakiman dan menjadi tanggungjawab mahkamah untuk mengisytiharkannya. (Lihat *Ramah binti Ta'at* v. *Laton binti Malim Sutan*[1]).

Untuk mencuba mempastikan apakah dia undang-undang, mahkamah boleh merujuk kepada buku-buku rujukan yang sesuai. Seksyen 57(2) Enakmen Keterangan dan kes *Ainan bin Mahamud* v. *Syed Abu Bakar bin Habib Yusoff*[2] dan lain-lain.

Sungguhpun saya mengaku bahawa mahkamah boleh merujukkan perkara undang-undang Islam yang timbul dalam saman permulaan ini kepada Majlis Perundangan Negeri Pahang sesuai dengan Enakmen Menetapkan Undang-undang Islam (Bab 166), saya tidak fikir adalah patut berbuat demikian dalam kes ini, oleh kerana satu alasannya iaitu Negeri Pahang sendiri sebagai yang didakwa dan yang mempunyai kepentingan, dan sebagai alasan yang lain mahkamah ini telah berpeluang mendengar hujjah yang jelas dari peguam dalam perkara ini satu perkara yang mungkin tidak boleh didapati oleh Majlis Perundangan Negeri. Bertambah pula andainya rujukan sebegitu dibuat dan keputusan diberi, keputusan itu merupakan terakhir dan tidak tertakluk kepada apa-apa rayuan. Oleh yang demikian dengan alasan-alasan ini saya tidak sepatutnya mengambil kesempatan dari kelonggaran yang terdapat di bawah Enakmen itu untuk melepaskan diri dari tanggungjawab saya walaupun saya terpaksa mengaku bahawa saya merasa takut mencuba menempuh kesulitan-kesulitan dan kekeliruan dalam undang-undang Islam dan pengubahsuaian yang dikatakan diadakan di dalam pelaksanaan tempatannya.

Apa yang dihujjahkan bagi pihak negeri ialah orang-orang yang boleh membuat tuntutan terhadap harta pesaka si mati ialah ahli warisnya iaitu yang dituntut pertama dan kedua dan mereka oleh kerana mereka bukan orang Islam adalah disingkirkan dari mendapat bahagian mengikut undang-undang Islam.

---

* Dialihbahasa dari [1941] M.L.J. 51 oleh Encik Abdullah bin Abubakar B.A. (Al-Azhar), LL.M. (Sheffield), Pensyarah Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya.

Enakmen Pembahagian Harta Pusaka (Bab 71) seksyen 2 memperuntukkan bahawa:

"Tiada apa-apa di dalam Enakmen ini terpakai kepada harta pusaka orang-orang yang menganuti ugama Islam ataupun menjejaskan kaedah undang-undang Islam seperti yang diubahsuaikan mengikut adat resam tempatan dalam pembahagian harta pusaka mana-mana orang yang tersebut itu."

Seksyen ini adalah keseluruhannya berlawanan dengan peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Ordinan Tanah Jajahan (Bab 57) yang berjudul Ordinan Orang-orang Islam yang walaupun ianya memperuntukkan pembahagian harta pusaka seorang Islam mengikut undang-undang Islam, secara jelas memperuntukkan bahawa mana-mana waris dekat yang tidak beragama Islam adalah berhak mendapat bahagian dalam pembahagian seolah-olah ianya seorang yang beragama Islam.

Saya menyebut fakta ini kerana saya diminta oleh pihak yang kenatuntut untuk mengatakan bahawa undang-undang Islam di sini di dalam perkara ini adalah sama seperti di Tanah Jajahan, sekalipun di Tanah Jajahan peruntukan undang-undang yang khusus difikirkan perlu bagi membolehkan seorang yang tidak beragama Islam menerima pusaka daripada seorang Islam.

Mazhab Shafii atau tafsiran undang-undang Islam mengikut mazhab itu adalah terpakai di Malaya dan mengikut *Tyabji* Principles of Muhammadan Law (Edisi Kedua) m.s. 834 para 4 dan terjemahan Minhaj et Talibin oleh Howard para 9 m.s. 253, seseorang yang bukan Islam disingkirkan dan tidak boleh mempusakai hartabenda seseorang Islam. Ada terdapat perkara-perkara lain yang menunjukkan penyingkiran daripada menerima pusaka akan tetapi saya tidak perlu mengambil perhatiannya di dalam kes ini.

Tidak dapat dinafikan bahawa bekas suami kepada almarhumah adalah seorang Islam dan menganuti ugama Islam dan begitu juga tidak dapat dinafikan bahawa isterinya, almarhumah sendiri seorang yang memeluk agama Islam. Adalah tidak dipertikaikan bahawa yang dituntut pertama dan kedua mereka bukan beragama Islam.

Patut diperhatikan, di India seperti juga di Tanah Jajahan, penyingkiran dari menerima pusaka oleh seseorang yang bukan Islam secara terang-terang telah dibatalkan oleh Akta XXI 1850 dan di dalam nota paragrap 269 Anglo-Muhammadan Law oleh *Wilson* (Edisi Keenam) apabila membuat ulasan mengenai Akta itu penulisnya yang ariff menyebut:

"Jika tidak oleh kerana Enakmen ini tidak ada hak waris-mewaris di antara seorang suami yang Islam dengan seorang isteri yang bukan Islam, walaupun dalam kes-kes di mana perkahwinan antara mereka dibenarkan mengikut undang-undang Islam."

Walau bagaimanapun, telah dihujjahkan bahawa mahkamah hendaklah membuat tafsiran undang-undang Islam mengikut keadaan di Malaya dan bukannya mengikut teori undang-undang Islam yang ketat seperti mana yang tertulis dalam buku-buku teks.

Saya harus menyebut sungguhpun seksyen 2 Enakmen Pembahagian Harta Pusaka itu sendiri merujuk kepada kaedah-kaedah undang-undang Islam yang diubahsuaikan oleh adat tempatan, akan tetapi pengubahsuaian itu mestilah menjadi sebagai perkara keterangan dan pembuktian, yang tidak terdapat dalam kes ini. Tidak ada apa-apa keterangan dibawa di hadapan saya dan tidak ada sebarang kes yang dilaporkan telah dirujukkan kepada saya yang membuktikan adat tempatan yang membawa kepada pengubahsuaian undang-undang Islam baik dalam perkara ini mahupun dalam hal-hal lain. Dalam keadaan tidak ada keterangan dan pembuktian dan ketiadaan undang-undang tempatan yang khusus sedemikian, hanya alasan yang boleh dipegang oleh mahkamah untuk memutuskan bahawa sebahagian khusus undang-undang Islam tidak berkuatkuasa di sini ialah bahawa undang-undang itu bertentangan dengan keadilan asasi. Undang-undang Islam dalam penyingkiran seorang yang bukan Islam daripada menerima pusaka telah pun diamalkan selama beberapa kurun oleh berbagai negara di dunia dan saya tidak nampak di situ wujudnya apa-apa yang berlawan dengan keadilan asasi. Hakikat bahawa undang-undang di Tanah Jajahan dan India diperlukan untuk membatalkan undang-undang Islam dalam hal ini hanya memperteguhkan pendapat saya bahawa mahkamah ini janganlah cuba membuat pembatalan seperti itu dan sebenarnya tidak ada alasan yang boleh saya pegang selain daripada itu bahawa undang-undang Islam di dalam perkara ini tidak dikuatkuasakan atau tidak ada kesan sepenuhnya.

Jawapan kepada soalan yang dibangkitkan itu ialah Negeri Pahang berhak mendapat harta pesaka itu dan arahan sedemikian akan dibuat.

Apakah yang harus dilakukan oleh negeri ini adalah satu perkara lain dan ia boleh menentukannya sendiri. Apa yang jelas ialah undang-undang Islam mengharapkan harta itu digunakan untuk munafaat orang-orang Islam. Bayaran bagi kos perbicaraan ini bagi semua pihak harus dibayar dari harta pusaka.

Perintah berikutan.

I